# KAKI MONYET bawa rezeki atau bahaya?

Berita Harian, 15 November 1964, Page 9

Article also available on Microfilm Reel NL4320



# KAKI MONYET bawa rezeki atau bahaya?

Oleh ISMAIL R.

PENERBIT drama Talivishen Malaysia (Singapura) saudara Zain Mahmud, akan menerbitkan lagi sa-buah drama sa-babak 45 minit berjodol **KAKI MONYET.**

**KAKI MONYET** berchorak komidi karya Abdul Shukur Harun.

Ini-lah barangkali pertama kali sa-buah drama Melayu tanpa heroin. Para pelakun-nya ia-lah Osman Zailani sa-bagai Ayah, Zainon Ismail sa-bagai Ibu, Jah Lelawati sa-bagai Mak Bomoh.

Aimi Jarr dan M. Osman akan turut berlakun.

Drama ini akan di-mulakan penggambaran-nya dalam studio TV Singapura pada 18 November ini, dan tayangan-nya juga khabar-nya pada malam itu.

Menurut penerbit-nya drama ini penuh suspen dan tandatanya.

Cherita-nya berlangsong di-sekitar penghidupan sa-orang bomoh dengan dan menchari kaki monyet. Pertentangan antara bomoh dan doctor menjadi masa'alah utama drama ini.

## Perchayakan bomoh

Kesah bermula dengan sa-orang anak yang sakit. Ayah-nya menyuruh panggilkan doctor, sementara ibu-nya memanggil Mak Bomoh. Mak bomoh datang mengubat-nya. Tetapi anak itu mati.

"Itu-lah awak perchayakan sangat ilmu bomboh minta pada kaki monyet," kata si-ayah.

Di-tengah2 itu tiba2 sharikat insurance nyawa memberitahu bahawa mereka akan memperoleh sepuloh ribu ringgit.

Si-Ibu segera pula menempelak siayah: "Kaki Monyet" boleh di-yakini . . ."





Newspaper:
Berita Harian

Date:
15 November 1964

Reel Number:
NL4320



Table of Contents

< Previous | Page 9 | Next >

PEMBURU MERAYAU DALAM RIMBA RAYA DUNIA
PEMBURU MERAYAU DALAM RIMBA RAYA DUNIA Oleh PENINJAU D R £??o, t sa -babak—PEMi KL yang

SAYANG ISTERI TINGGAL2KAN
SAYANG ISTERI TINGGAL2KAN Olch SHAH RAHMAN <-hara yang agak p h gapah. pehak raja

CHINTA KALONG PERTIWI
CHINTA KALONG PERTIWI Igiporan Janalj Darul-Ihsan pentaskan karya pemenang paraduan dra,ma BDP. Oleh

View Full Table of Contents

Saudara Zain Mahmud perchaya bahawa cherita ini akan menarek penonton2.

Pengarah drama ini ia-lah saudara Bani Buang.

## Related Articles

No related article found.

National Library Board Singapore

Contact Us Feedback FAQ

...rt Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

©2021 Government of Singapore

Last Updated 29 Oct 2019